



'UMNO ada kelebihan di kawasan majoriti Melayu'

Kuala Lumpur: UMNO dilihat memiliki potensi dan kekuatan untuk menang pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan membentuk kerajaan, walaupun bertanding tanpa kerjasama PAS dan BERSATU.

Penganalisis politik, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, menyifatkan ia bersandarkan kepada sentimen dan dinamik politik di Melaka menunjukkan UMNO masih memiliki sokongan kukuh di kawasan majoriti Melayu.

"UMNO mampu menang dengan majoriti mudah jika parti itu memutuskan untuk bertanding di bawah panji Barisan Nasional (BN) tanpa kerjasama Perikatan Nasional (PN) atau Muafakat Nasional (MN).

"Melaka memang kubu UMNO. Sokongan orang Melayu di kawasan majoriti Melayu, khususnya luar bandar, kepada UMNO di Melaka masih kuat dan mereka ti-

dak perlukan PAS atau BERSATU.

"Ini kerana sokongan akar umbi kepada UMNO kukuh dan undi yang akan pecah hanya membabitkan saki-baki undi yang tidak menyokong parti itu di kawasan majoriti Melayu," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, parti itu dan BN belum memutuskan bekerjasama dengan mana-mana parti politik pada PRN Melaka.

Namun, pada 13 Oktober lalu, Ahmad Zahid dilaporkan berkata, UMNO dan BN akan bertanding bersendirian pada PRN Melaka tanpa kerjasama parti lain, termasuk PAS yang menjadi se-



Mohd Azizuddin

kutunya dalam MN ataupun BERSATU.

Mohd Azizuddin berkata, PAS dan BERSATU memerlukan kerjasama UMNO kerana peluang kedua-dua parti itu me-

nantang hampir sifar jika tanpa UMNO.

Ini kerana, katanya, PAS dan BERSATU tidak memiliki jentera dan sokongan akar umbi yang kuat di Melaka, sekali gus tidak mampu bersaing di negeri itu.

Pensyarah Kanan Politik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) itu percaya jika kerjasama diadakan, UMNO terpaksa mengorbankan kerusi mereka kepada PAS dan BERSATU.

Namun, katanya, mungkin ada pemimpin UMNO tidak bersetuju dengan langkah itu dan akan me-

lakukan sabotaj, sekali gus menjejaskan potensi kemenangan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, faktor kemenangan UMNO boleh berubah jika berlaku perpecahan akibat tidak bersetuju dengan calon dipilih parti.

Beliau turut percaya UMNO dan BN tidak mampu merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan bandar yang kemungkinan besar kekal milik Pakatan Harapan (PH).

"Kawasan campuran Melayu dan bukan Melayu juga sukar di menangi UMNO. Jika ada pertembungan tiga penjujur atau lebih di kawasan ini, ia beri kelebihan kepada PH," katanya.

Sementara itu, Prof Dr Jeniri Amir, percaya UMNO akan memutuskan untuk bertanding sendiri di PRN Melaka, sekali gus menjadi medan menguji kekuatan parti itu bagi merencanak langkah menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).